

Headline	Calon PH perjuang bina hospital		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	14	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,504



# Calon PH perjuang bina hospital

**Hulu Langat:** Calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali akan memperjuangkan pembinaan hospital di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, bagi memudahkan lebih 54,000 pengundi yang ada di situ, jika dipilih menjadi wakil rakyat kawasan berkenaan.

Muhammad Aiman, 30, berkata pembinaan hospital penting kerana penduduk setempat kini terpaksa pergi ke Hospital Kajang yang terletak di luar DUN itu.

## Hanya ada klinik kesihatan

“Sebagai penduduk tempatan, saya menyedari keperluan hospital di DUN Semenyih sangat tinggi kerana DUN ini agak besar, namun hanya ada klinik kesihatan sahaja,” katanya selepas mengadakan tinjauan di medan selera Pertubuhan Peladang Beranang di sini, semalam.

Muhammad Aiman berkata, beliau tidak memiliki manifesto sepanjang kempem Pilihan



[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN /BH]

***Muhyiddin dan Muhammad Aiman (duduk dua dari kanan)*** bertemu penduduk di pekan Beranang, semalam.

Raya Kecil (PRK) DUN Semenyih, sebaliknya ada perancangan jika dipilih sebagai wakil rakyat.

“Saya akan berkongsi perancangan itu dalam tempoh terdekat. Pembinaan hospital yang saya cakap tadi (semalam), bukan manifesto,” katanya.

Selain pembinaan hospital, beliau berhasrat mewujudkan sebuah jawatankuasa di setiap Pusat Daerah Mengundi (PDM) dalam DUN Semenyih, bagi memudahkan rakyat mengetahui setiap inisiatif dilakukan kerajaan.

“Ada rakyat yang masih tidak

tahu mengenai inisiatif dan bantuan disalurkan kerajaan, justeru saya berhasrat menuhukan jawatankuasa yang mungkin dianggotai ketua kampung dan wakil agensi kerajaan, supaya rakyat mendapat lebih maklumat berkaitan inisiatif kerajaan,” katanya.

Headline	Terminal tiada bas, penumpang		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	19 Feb 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	15	ArticleSize	547 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 18,856
Journalist	N/A	PR Value	RM 56,567
Frequency	Daily		



Keadaan persekitaran Terminal Bas Semenyih Sentral yang terbiar tanpa kehadiran bas dan penumpang.



Bahagian atas terminal penuh dengan sampah dan berbau busuk.

## Terminal tiada bas, penumpang

Stesen terbiar sejak lebih 5 tahun ekoran pemandu enggan guna kemudahan

### Hulu Langat

Jika dilihat dari jauh, struktur Terminal Bas Semenyih Sentral yang terletak di dalam Pekan Semenyih kelihatan gah, namun hakikatnya kemudahan itu terbiar, malah dipenuhi sampah dan debu.

Itu keadaan satu-satunya stesen bas utama di Pekan Semenyih, di sini yang kini umpama projek 'ga-

jah putih' apabila tiada lagi kehadiran bas dan penumpang di kawasan itu.

Kemudahan itu dipercayai terbiar sejak lebih lima tahun lalu, kerana pemandu bas enggan menurunkan penumpang di terminal berkenaan, sebaliknya lebih rela memberhentikan bas di tepi jalan ketika menurunkan mereka.

Tinjauan BH di terminal bas itu mendapati ia kini menjadi 'tempat tinggal' burung merpati dan kucing, selain dijadikan tempat parkir bas kilang dan jentera pembinaan.

Stesen bas yang mula beroperasi sekitar 2006 itu juga dipenuhi debu dan pelbagai jenis sampah, khususnya di tingkat atas dan tandas di bahagian belakang terminal, yang turut berbau busuk dan hancung.

Peniaga di kawasan terminal itu yang hanya mahu dikenali sebagai Koh, 55, berkata operasi stesen bas



itu mula terganggu sejak 10 tahun lalu apabila pemandu bas lebih rela menurunkan penumpang di Jalan Semenyih dan enggan memasuki ke dalam terminal.

Katanya, terminal itu pernah disewakan kepada peniaga untuk dijadikan kedai makan, namun ia hanya untuk sementara waktu sebelum terbiar sehingga kini.

"Lokasi terminal ini sebenarnya

tiada masalah dan tidak terlalu ke dalam selain berhampiran dengan Semenyih Sentral, namun entah mengapa pemandu bas enggan berhenti di sini.

"Sekitar 2009, masih ada bas yang menggunakan terminal ini untuk turunkan penumpang, tapi ia tak lagi beroperasi kira-kira lima atau enam tahun lalu," katanya.

### Tak benar usahakan terminal

Penduduk setempat, Zulkifli Mohd Shairi, 46, berkata ramai pihak yang memohon kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPK) untuk mengusahakan terminal itu, namun sehingga hari ini tiada sesiapa yang diberikan kebenaran.

"Masalahnya apabila jadi tempat sampah, terminal bas ini jadi punca nyamuk membikak hingga banyak kes dengan berlaku di flat berhampiran."

"MPK atau mana-mana pihak bertanggungjawab perlu memula-

kan semula operasi terminal itu kerana ia bukan saja untuk bas henti-henti, tapi juga bas sekolah menurunkan anak-anak yang bersekolah di Kajang, selain pusat operasi teksi di Semenyih," katanya.

Pemandu bas kilang, Izham Norli Ahmad Mokti, 40, pula mengaku pernah terserempak keliat beberapa individu, dipercayai penagih dadah, yang menjadikan terminal bas terbiar itu untuk melakukan kegiatan salah itu.

Peniaga gerai nasi ayam, Mohd Tarmizi Md Sin, 48, pula berpendapat terminal itu mungkin boleh dibangunkan sebagai medan dan selera supaya ia tidak terus terbiar dan menjadi seperti gajah putih.

"Dulu MPK pernah serahkan terminal itu pada satu syarikat swasta untuk diuruskan. Apa pun, MPK perlu buat sesuatu kerana takkan nak lihat terminal itu terbiar sam-pai bila-bila," katanya.

Headline	Selangor henti sementara serah sumbangan ketika kempen		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	15	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,095



## Selangor henti sementara serah sumbangan ketika kempen

**Shah Alam:** Semua program Kerajaan Selangor terutama yang membabitkan penyerahan dan sumbangan dihentikan sementara sepanjang kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata ia dilakukan berikutan pentadbiran negeri tidak mahu timbul sebarang persepsi selain mahu menampilkkan sikap budiman dalam pertandingan di Semenyih.

"Segala program rasmi kerajaan sudah habis sampai 15 Februari. Bermula 16 Februari, tidak ada program terutama sumbangan dan serahan kerana kita tidak ma-

hu timbul sebarang persepsi.

"Tetapi, jika ada keperluan program rasmi, sebagai Menteri Besar, saya akan tetap hadir terutama yang sudah dirancang lama.

"Ini bab serahan, kita tidak mahu timbul persepsi kita membeli undi," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Terdahulu Amirudin menghadiri Majlis Ramah Mesra sempena Tahun Baharu Cina bersama Persatuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia di Shah Alam, di sini.

Sementara itu, ditanya mengenai laporan akbar *Utusan Malaysia* membandingkan kehadiran penduduk dan penyokong pada

program beliau serta yang dihadiri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Panggupuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma, Branang, pada kempen PRK Semenyih semalam, Amirudin berkata antara 500 hingga 600 orang menghadiri ceramahnya, bukan 100 seperti dikatakan.

### Beri saingan di kubu kuat BN

Beliau yang mengakui kehadiran penonton pada ceramah Najib lebih ramai, menyindir dengan berkata mungkin mereka mahu lihat siapa yang mencuri wang RM2.6 bilion.

Namun, beliau tetap yakin dan berusaha selain tidak mudah ber-

puas hati untuk memastikan calon PH mencapai kemenangan pada PRK Semenyih.

"Tempat yang kita pergi itu adalah kubu kuat Barisan Nasional (BN). Kita kalah di situ dalam pilihan raya umum (PRU) sebelum ini dan pada PRU lalu juga kita kalah di situ."

"Dengan kehadiran saya tanpa kehadiran pemimpin utama, hanya saya dengan YB Hilmam (Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Hilmam Idham), saya rasa ia satu petanda kita memberi saingan di tempat itu."

"Tetapi di tempat lain, sokongan amat baik dan kita mahu tumpukan kepada kempen rumah ke-

rumah dan terus kepada pengundi berbanding ceramah kerana ceramah selalunya dihadiri orang dari Perak, Sabah, malah Thailand," katanya.

Versi dalam talian akbar itu semalam melaporkan, kehadiran Najib ke tempat ceramah BN di Panggupuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma, Branang mencuri perhatian penduduk dengan lebih 1,000 penduduk memilih untuk mendengar ceramah itu berbanding ceramah PH yang dihadiri kurang 100 orang.

Kedua-dua ceramah berkenaan dijalankan dalam kawasan panggupuri yang sama dengan perbezaan jarak kira-kira 100 meter.

Headline	Pelaburan Selangor meningkat		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	19 Feb 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	16	ArticleSize	226 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 7,790
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	PR Value	RM 23,371
Frequency	Daily		



# Pelaburan Selangor meningkat

→ Jumlah rasmi akan diumum MIDA dijangka kedua tertinggi dalam 10 tahun

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
bhnews@bharian.com.my

■ Shah Alam

Jumlah pelaburan Selangor tahun lalu dijangka mencapai RM14 bilion, kedua tertinggi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata jumlah itu dua kali ganda mele过asi sasaran RM7

bilion kerajaan Selangor.

Bagaimanapun, pengumuman rasmi mengenainya akan dibuat oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

“Perkara ini akan diumumkan secara rasmi oleh MIDA. MIDA ada menyebut ia mungkin mencapai RM14 bilion dan semestinya ia pencapaian baik kerana melebihi antara RM11 bilion hingga RM12 bilion.

## Kepercayaan pelabur

“Kalau ikutkan rekod selama 10 tahun, ini pencapaian kedua tertinggi. Kali terakhir pada 2014 apabila kita mendapat lebih RM15 bilion pelaburan.

“Ini menunjukkan ada kepercayaan komuniti perniagaan antarabangsa kepada Malaysia dan Selangor mendapat limpa-

han daripadanya,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Tahun lalu, Selangor mencatatkan pelaburan berjumlah RM7 bilion.

Terdahulu, Amirudin menghadiri Majlis Ramah Mesra sempena Tahun Baharu Cina bersama Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia di sini, semalam.

Sementara itu, ditanya kemungkinan pembangunan pusat di i-City ketika ini yang juga menempatkan pusat beli-belah dengan keluasan 940,000 kaki persegi, Central i-City, akan meletakkan kawasan itu sebagai segi tiga emas di Selangor, Amirudin berkata, negeri itu mempunyai banyak kawasan sedemikian.

Namun, katanya, pembangu-

nan di i-City dan sekitar seperti Klang dan Shah Alam dilihat mempunyai potensi yang baik.

“Ia adalah ruang ekonomi baik kepada rakyat Selangor dan penduduk Shah Alam dan Malaysia,” katanya.

Sebelum ini media melaporkan, I-Bhd dan Central Pattana, pemaju rangkaian pusat beli-belah terbesar di Thailand, mendatangani perjanjian pada Mei 2013, bagi penubuhan syarikat usaha sama membina pusat beli-belah di i-City di Shah Alam.

Menerusi perjanjian itu, I-Bhd dan CPN Global Company Limited (CPN Global), anak syarikat milik penuh Central Pattana Plc menujuhan syarikat usaha sama bagi membina pusat beli-belah yang bernilai RM580 juta.

Headline	FAS perlu bertanggungjawab!		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	69,985
Page No	71	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	474 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 16,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,831



**Pemain PKNS**, Kpah Sean Sherman (dua dari kanan) diasak pemain Selangor pada perlawanan Bolasepak Liga Super di Stadium Shah Alam, kelmarin. PKNS menang 4-0.

# FAS perlu bertanggungjawab!

➔ **Bekas pemain akui persembahan Selangor teruk, Sathia sedia hadapi segala kemungkinan**

Oleh Syafiq Aznan  
syafiq.aznan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**ersatuan Bolasepak Selangor (FAS) perlu bertanggungjawab susulan permulaan buruk yang dilakar skuad The Red Giants musim ini.

Pandangan itu dilontarkan bekas pemainnya, Datuk Khairidir Buyong yang menegaskan segala perancangan termasuklah pemilihan jurulatih dan pemain dibuat pengurusan sekali gus menyaksikan mereka juga perlu ‘berkongsi kesahan’ selepas pasukan itu hanya mampu mengutip dua mata daripada tiga perlawanan pertama musim ini.

“Saya tidak mahu ulas mengenai kedudukan jurulatih (B Sathianathan) kerana sebarang keputusan terpulang kepada pengurusan. Apapun, mereka juga perlu bertanggungjawab atas apa yang sedang berlaku ketika ini.

“Kita tidak mahu menyalahkan sesiapa kerana ia sudah terjadi. Walau apa cara sekalipun, pengurusan perlu memikirkan sesuatu untuk menaikkan semula reputasi Selangor kerana saya lihat, tiga

perlawanan setakat ini prestasi pasukan sememangnya teruk.

“Saya menyaksikan perlawanan malam tadi (kelmarin) dan jelas saya kecewa dengan persembahan yang ditunjukkan. Saya sudah pulang ketika kedudukan 3-0 dan saya tidak menyangka perlawanan berakhir dengan keputusan 4-0,” kata dia ketika dihubungi BH Sukan, semalam.

#### Sathia tuntut sokongan

Terdahulu, Sathianathan tampak sudah bersedia dengan sebarang kemungkinan apabila bersedia mengambil tanggungjawab selepas permulaan perlahan ditunjukkan skuad kendaliannya terutama selepas kekalahan besar 4-0 di tangan PKNS FC.

Bagaimanapun, bekas jurulatih skuad kebangsaan itu mengakui dia akan terus berusaha keras bagi memastikan pasukan

itu dapat kembali menepati reputasi selaku pencabar kejuaraan seperti dicanang sebelum sepak mula Liga Super sebelum ini.

“Ya, saya bersedia (dengan apa sahaja kemungkinan). Tetapi kalau pengurusan mahu saya kekal, saya akan terus kekal untuk memperbaiki situasi ketika ini. Saya perlukan sokongan moral dan sebagai jurulatih, saya juga mahukan sokongan penuh daripada pemain. Kita boleh perbetulkan apa yang terjadi kerana saingan liga masih lagi di peringkat awal.

“Saya kena cari punca jadi sebegini dan dengan pengalaman yang ada, saya akan dapatkan formula. Cuma sama ada kami mempunyai masa ataupun tidak memandangkan kami kini berada dalam tekanan. Ini bukan salah pengurusan kerana mereka sudah memberikan apa yang saya mahukan,” katanya.

Headline	Bersih premis 10 minit seminggu elak denggi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	46	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	251 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,006
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,018



# Bersih premis 10 minit seminggu elak denggi

**AMPANG JAYA 18 Feb.** - Kes denggi di negeri Selangor akan terus meningkat sekiranya masyarakat masih bersikap sambil lewa dalam aspek kebersihan rumah dan persekitaran.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr. Khalid Ibrahim berkata, masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk membersihkan premis masing-masing.

"Pada tahun ini sehingga 9 Februari lalu, bilangan kes denggi di Selangor adalah sebanyak 10,479 iaitu peningkatan sebanyak 204 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu.

"Jumlah kematian pula sebanyak 12 kes iaitu peningkatan sebanyak 140 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Kawasan kes tertinggi adalah Kajang diikuti Ampang dan Cheras," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI) dan Operasi Zero Larva (Ozel) di Lokaliti Hotspot Denggi di Taman Bukit Teratai.

Operasi yang bermula pada pukul 9.30 pagi sehingga 10 malam itu melibatkan beberapa kawasan di sekitar Ampang Jaya antaranya Lorong belakang Jalan Teratai 1/1, Jalan Teratai 1/9 dan lorong belakang Jalan Teratai 1/3.

Tambah Khalid, kerajaan Selangor memperuntukkan sebanyak RM500,000 kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri untuk menjayakan Kempen Selangor Gempur Aedes 2019.

"Berdasarkan analisis data tahun 2019, tiga lokasi utama yang dikenal pasti menjadi tempat pembiakan denggi adalah taman permainan, tempat tumpuan awam dan tanah lot kosong," katanya.



**DR. KHALID IBRAHIM** menunjukkan perangkap nyamuk yang diberikan kepada sebahagian penduduk dalam Operasi Penguatkuasaan Premis Individu dan Operasi Zero Larva bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Taman Bukit Teratai, Ampang, Selangor, baru-baru ini.

Headline	Penduduk mahu masjid		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	23	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	387 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 15,187
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,561



# Penduduk mahu masjid

**Tunggu lebih 3 tahun bina rumah ibadat di Masjid Bandar Tasik Kesuma**

MOHD Dali (kiri) menunjukkan tapak projek Masjid Bandar Tasik Kesuma yang tertangguh sejak 2009.



Hairulazim Mahmud  
dan Rizanizam Abdul Hamid  
am@hmetro.com.my

#### Hulu Langat

**K**ami memerlukan sebuah masjid, hampir 50,000 penduduk di sini mahukan masjid," kata Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Mohd Dali Abdullah.

Beliau berkata, penduduk menanti lebih tiga tahun pembinaan masjid berkenaan dengan surat terakhir da-

**“**Memang kecewa kerana kami sudah memulakan kerja permohonan ini mengikut saluran yang betul”

Mohd Dali Abdullah

ripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memaklumkan status terkini berkaitan permohonan itu.

"Pada Mac 2018, saya menerima salinan surat daripada JAIS kepada Menteri Besar yang memaklumkan pembinaan masjid itu tidak tersenara dalam Rancangan Malaysia Kesebelas Negeri Selangor (RMK-11).

"Memang kecewa kerana kami sudah memulakan kerja permohonan ini mengikut saluran yang betul sejak 2015 hingga kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM)," katanya di sini,

semalam.

Turut hadir, Bendahari jawatankuasa itu, Mohd Amin Sarman.

Bandar Tasik Kesuma terletak dalam DUN Semenih.

Mohd Dali berkata, tanah seluas lebih sehektar sudah diwartakan untuk pembinaan masjid berkenaan pada 2009.

Katanya, JAIS juga memberikan kebenaran kepada jawatankuasa untuk membina masjid di tanah berkenaan pada 2015.

"Kami juga menuahkan unit wakaf yang bertanggungjawab menguruskan wakaf pembinaannya," katanya.

Menurutnya, bagaimanapun hingga kini hanya RM200,000 berjaya dikutip melalui kutipan wakaf dan semua wang itu diserahkan kepada Perbadanan Wakaf Selangor dengan laporan transaksi setiap bulan.

Beliau berkata, jumlah itu terlalu sedikit kerana pembinaan masjid itu menelan

kos RM14 juta yang mampu memuatkan 2,000 jemaah.

Katanya, pihak swasta atau institusi kewangan pula tidak akan membantu atau menyumbang dana sekiranya tiada kerja pembinaan dimulakan.

"Sekarang semuanya tergantung dan senyap tanpa berita sedangkan ke ICU JPM sudah, ke JAIS sudah, ke kerajaan negeri pun sudah," katanya.

Buat masa ini, Mohd Dali berkata, penduduk terpaksa bersolat Jumaat di beberapa surau dan masjid berbeza iaitu Surau Al-Kauthar di Fasa 3, Surau Institut Industri Jepun MARA (MJII), Surau Al-Ihsan dan Masjid Kampung Rinching yang terletak tiga kilometer jaraknya.

Dalam pada itu, menurutnya, mereka tidak menyalahkan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berikutnya status kelulusan itu.

Headline	Penduduk tuntut pemaju turap jalan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,771



# Penduduk tuntut pemaju turap jalan

**HULU LANGAT** – Biarpun setahun telah berlalu, penduduk Kampung Sesapan Kelubi di sini masih menantikan tindakan pemaju sebuah projek persendirian untuk menurap sebatang jalan berhampiran tapak berkenaan.

Difahamkan, jalan yang tidak berturap itu merupakan laluan alternatif bagi penduduk kampung untuk ke simpang utama.

Rata-rata penduduk kampung mengakui kesal dengan sikap pemaju projek itu yang sehingga ke hari ini tidak menunjukkan sebarang tanda akan menurap jalan berkenaan.

Menurut seorang penduduk, Muhd. Shafiq Hussin, 31, dia terpaksa menggunakan jalan pintas itu biarpun sedar mendatangkan risiko kepada motosikalnya.

Ini kerana, jelasnya, laluan tersebut memberi akses mudah kepada sesetengah penduduk kampung berbanding terpaksa menggunakan laluan sejauh 5 kilometer untuk ke jalan utama.

“Saya berkerja sebagai peng-



INILAH jalan berhampiran tapak projek persendirian di Kampung Sesapan Kelubi di Hulu Langat yang tidak berturap dan menyusahkan penduduk kampung berkenaan.

hantar barang, jadi memang setiap hari berulang-alik menggunakan motosikal dan apabila melalui jalan ini, saya perlu kena perlakhankan motosikal sebab risau jika ada benda tajam tersangkut pada tayar,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Bagi Azrizal Ali Akbar, 48, pula, habuk dari jalan tersebut dikhuatiri memberi kesan mudarabat kepada kesihatan penduduk khususnya kanak-kanak

yang selalu bermain di sebuah padang berhampiran jalan itu.

“Projek persendirian yang tidak menaikkan sebarang papan tanda pemakluman kepada penduduk kampung itu bukan sahaja menyusahkan ibu bapa, malah kanak-kanak yang bermain di sekitar padang tersebut,” katanya.

Sehubungan itu, dia meminta Majlis Perbandaran Kajang untuk mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah tersebut.

Headline	Nilai prestasi Selangor, Pulau Pinang sebelum memilih		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	15	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	155 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,022
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,066



## Nilai prestasi Selangor, Pulau Pinang sebelum memilih

**SEMENYIH** – Pengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, yang bakal mengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN itu 2 Mac ini, perlu melihat kepada prestasi pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang bagi menilai kemampuan Pakatan Harapan (PH) melaksanakan usaha pembangunan di sesuatu kawasan.

Pengerusi PH Selangor, Amirudin Shari berkata, pentadbiran dan pengurusan ekonomi dua kerajaan negeri yang telah lama dikuasai oleh PH jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang berada di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN).

“Nak nilai prestasi PH, kita jangan tengok pada prestasi kerajaan Pusat kerana kita baru sembilan bulan berkuasa, pengundi perlu lihat kepada pentadbiran Selangor dan Pulau Pinang.



AMIRUDIN

“Walaupun dahulu kita diserang dengan pelbagai isu tetapi kita tetap menjadi negeri yang terbaik, seperti contoh kadar pembangunan ekonomi bagi Selangor pada 2017 adalah 7.1 peratus, lebih tinggi daripada pembangunan ekonomi kerajaan Pusat pada 5.9 peratus,” katanya pada majlis santai bersama penduduk Apartment Baiduri Bandar Tasik Kesuma di sini semalam.

Dalam ucapannya juga, Amirudin berharap pengundi Semenyih dapat mengekalkan kawasan berkenaan di bawah PH kerana ia bakal memberi pelbagai kemudahan kepada mereka.

“Muhammad Aiman jika dipilih dia bila-bila masa boleh datang ke pejabat saya, pejabat Exco malah ke pejabat menteri-menteri jika ingin mengadu masalah yang dihadapi oleh masyarakat di sini, berbeza wakil parti yang lain jika mereka dipilih. – Bernama

Headline	Catat pelaburan RM14b		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm <sup>2</sup>
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 5,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,501



# Catat pelaburan RM14b

**Pencapaian  
Selangor  
melepas sasaran**

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Pelaburan di Selangor menunjukkan perkembangan positif apabila mencatat jumlah keseluruhan RM14 bilion pada tahun lalu, melebihi sasaran ditetapkan.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, perkara itu dimaklumkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) secara lisani kepadanya se-waktu pertemuan mereka beberapa bulan lalu.

"Sehingga September tahun lalu, pelaburan di negeri ini berjumlah RM8 bilion tapi Mida kemu-dianya maklum kepada saya, kemungkinan angka keseluruhan sehingga Disember tahun lalu



Amirudin (tiga, kanan) dan Presiden Persekutuan-Persekutuan Hokkien Malaysia, Tan Sri Lim Hock San (empat, kanan) meraikan sambutan Tahun Baru Cina pada majlis ramah mesra, semalam.

mencapai RM14 bilion.

"Apa-pun kena tunggu pengumuman rasmi dari Mida," katanya pada Majlis Ramah Mesra Menteri Besar Selangor sempena sambutan Tahun Baru Cina 2019 bersama Usahawan dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia, semalam.

Turut hadir pada majlis, Presiden Persekutuan Persa-

tuan-Persatuan Hokkien Malaysia, Tan Sri Lim Hock San.

Katanya, beliau melihat perkara tersebut sebagai satu pencapaian yang sangat baik kerana Selangor mencapai pelaburan melebihi RM12 bilion.

Berdasarkan rekod 10 tahun, ini adalah pencapaian kedua tertinggi di mana kali terakhir pelaburan di negeri

ini mencecah sehingga RM15 bilion pada 2014.

"Ini juga membuktikan wujud kepercayaan komuniti antarabangsa terhadap Malaysia khususnya di Selangor yang menjadi pintu masuk kepada pelaburan," katanya.

Amirudin berkata, bagaimanapun kerajaan negeri tidak boleh cepat berpuas hati dengan

pencapaian tersebut sebaliknya perlu terus bergerak ke depan memastikan Selangor terus kekal sebagai negeri termaju di negara ini.

Namun begitu, Amirudin berkata, kerajaan negeri tidak boleh berpuas hati terhadap pencapaian sedia ada dan perlu meningkatkannya untuk memastikan Selangor terus kekal sebagai negeri termaju di negara ini.

Headline	Tangguh program bantuan, elak persepsi beli undi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,751



## **Tangguh program bantuan, elak persepsi beli undi**

**SHAHALAM** - Semua program rasmi kerajaan terutamanya berkaitan serahan sumbangan dan bantuan dihentikan sejak 16 Februari lalu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, tindakan tersebut diambil kerana tidak mahu timbul sebarang persepsi negatif seolah PH cuba meraih undi bagi PRK Semenyih.

"Bermula tarikh itu sehingga tamat PRK Semenyih memang tak akan ada program-program tersebut kerana kerajaan mahu tampilkan sikap 'gentleman' dalam pertandingan."

"Kita tak mahu ada persepsi mengatakan kerajaan ingin beli undi jika program-program bantuan ini diteruskan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Ramah Mesra Menteri Besar Selangor bersama Persatuan-Persatuan

serta Usahawan Hokkien Malaysia di sebuah hotel disini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan mahu pencapaian PH dinilai berdasarkan 'track record' sebelum ini.

Menurutnya, program-program bantuan itu bagaimanapun akan diteruskan semula selepas tamat PRK nanti.

"Tapi sekiranya ada program rasmi yang sudah dirancang lama dan memerlukan saya hadir sebagai menteri besar, saya akan hadir," katanya.

Kelmarin, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim memberitahu, semua program berkaitan penyampaian sumbangan dan bantuan ditangguhkan pemimpin kerajaan sehingga selepas PRK bagi mengelakkan timbul sebarang isu.

Headline	Elak harta disita		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	19	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	364 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,627



# Elak harta disita



Ketua Unit Waran MBPJ, Zey Iskandar Mohd Jaill dan Norsharena bersama barang sitaan dalam operasi tersebut.

## MBPJ laksana operasi cukai taksiran di 500 kediaman

ASYRAF MUHAMMAD

PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melaksanakan operasi tunggakan cukai taksiran di sekitar kawasan Sri Damansara selama empat hari sejak Sabtu lalu.

Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perbandaran MBPJ, Wan Norsharena Md Isa berkata, operasi yang dilanjutkan di sekitar kawasan tersebut melibatkan sebanyak 500 unit kediaman dengan jumlah tunggakan melebihi tempoh dua tahun dengan nilai RM1.1 juta.

Beliau berkata, menerusi operasi pada Sabtu dan Ahad lalu, pihaknya juga berjaya memperoleh kutipan tunggakan berjumlah sekitar RM44,000.

"Ini operasi hari ketiga dan kebiasannya kita akan batalan sitaan sekiranya pemilik rumah atau premis membuat pembayaran secara terus melalui atas talian.

"Namun sekiranya pihak berkenaan masih gagal berbuat demikian, kami

tidak mempunyai pilihan selain menyita barang di dalam unit premis terlibat berikut tempoh masa yang diberikan sudah begitu lama," katanya selepas operasi berkenaan, semalam.

Mengulas lanjut, Norsharena berkata, kebanyakannya tunggakan cukai taksiran di kawasan berkenaan adalah melibatkan unit kediaman kos sederhana dan kos rendah.

Menurutnya, bagi kediaman kos rendah, tunggakan cukai taksiran yang dikira tersebut adalah bagi tempoh sebelum tahun 2016 berikut Kerajaan Selangor memberi pengecualian bayaran kepada pihak terlibat bermula tahun tersebut sehingga kini.

"Dikawasan Sri Damansara ini, tunggakan untuk kediaman kos rendah sebelum tahun 2016 adalah melibatkan jumlah RM186,000 manakala kediaman kos sederhana pula adalah RM797,000," katanya.

Dalam pada itu, Norsharena turut memberi peringatan bahawa pihaknya juga akan mengadakan dua lagi operasi besar selepas ini melibatkan kawasan Damansara Damai pada 2-5 Mac dan Ara Damansara pada 30 Mac-2 April depan.

Beliau berkata, jumlah tunggakan cukai taksiran di Damansara Damai adalah sekitar RM3.4 juta manakala Ara Damansara melibatkan

jumlah RM1.1 juta.

"Kita dah naikkan 60 bunting dan 10 banner di kawasan terlibat sebelum memulakan operasi ini bagi memberi pemarkuman kepada semua pihak terlibat.

"Jadi penyewa diminta maklumkan kepada pemilik premis sekiranya terdapat sebarang tunggakan kerana mengikut akta, MBPJ mempunyai kuasa untuk sita barang penyewa," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Norsharena turut meminta semua pemilik premis di Petaling Jaya untuk mengemaskini alamat surat menyurat dan nombor untuk dihubungi bagi memudahkan sebarang penyampaian maklumat dan bil daripada pihak majlis.

Beliau berkata, pemilik premis boleh memuat naik borang dilaman rasmi MBPJ dan mengemaskinakan dokument tersebut ke Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Tingkat 11, Menara MBPJ.

"Menerusi pemantauan pihak kami mendapati hamipir 50 peratus pemilik premis di Petaling Jaya masih gagal mengemas kini maklumat atau menukar nama kediaman mereka.

"Saya berharap seluruh pemilik premis dapat memainkan peranan kerana sekiranya ada pihak gagal untuk mengemas kini alamat dan maklumat diri, mereka boleh dikenakan saman sehingga RM6,000," katanya.

Headline	Rumah Terbuka disambut meriah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,565



RUMAH TERBUKA KLANG: MELAKA TANAH - U19-012024 / U19 0000273

## Rumah Terbuka disambut meriah

KLANG – Kira-kira 1,000 pengunjung membanjiri Padang Rakan Muda Taman Sri Andalas, di sini bagi meraikan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina DUN Sungai Kandis, Jumaat lalu.

ADUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mugni berkata, sambutan itu antara platform memupuk perpaduan pelbagai kaum apabila dapat berkumpul dan berkongsi kegembiraan.

Menurutnya, beliau teruja dan berbangga menerima kehadiran daripada pelbagai kelompok masyarakat, sekali gus membuktikan sokongan terhadap perayaan itu.

“Pemimpin dan rakyat perlu berganding bahu mengekalkan nilai toleransi, perpaduan dan kerjasama antara kaum

bagi meneruskan keharmonian yang tercipta sejak dulu.

“Perpaduan kaum membolehkan kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan dengan lancar serta taraf hidup rakyat di negara ini dapat dipertingkatkan,” katanya, di sini.

Turut hadir, Menteri Pertahanan yang juga Ahli Parlimen Kota Raja, Mohamad Sabu, Ahli Majlis dan Penghulu di bawah DUN Sungai Kandis.

Selain dengan pelbagai jenis makanan, pengunjung turut dimeriahkan dengan persembahan tarian singa, tradisi dan penyanyi undangan.

Turut diadakan penyerahan angpau kepada kanak-kanak serta 30 warga emas yang menjadi tradisi perayaan berkenaan.



Masyarakat pelbagai kaum hadir di Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Dun Sungai Kandis, Jumaat lalu.

Headline	Simpang empat bahaya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 5,902
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,706



# Simpang empat bahaya

Lampu isyarat tidak berfungsi ancam keselamatan

AZIE YAHAYA

PELABUHAN KLANG



JULMIAH

Keselamatan lebih 1,000 penduduk dan pengguna jalan raya di Bandar Armada Putra, di Pulau Indah, di sini, terancam apabila lampu isyarat di persimpangan Star Cruise tidak berfungsi sejak enam bulan lalu.

Lebih memburukkan keadaan apabila kawasan perumahan itu berdekatan kawasan industri yang turut dilalui kenderaan berat.

Penduduk, Siti Marlina

Mohd Johari, 30, berkata, keadaan itu menyukarkan pengguna selain melibatkan keselamatan terutama ketika waktu puncak.

"Lebih enam bulan rasaanya lampu isyarat di simpang empat itu tak berfungsi, sekali gus membahayakan nyawa pengguna lebih-lebih lagi bila waktu pagi dan petang."

"Pengguna akan teragak-



Penduduk dakwa lampu isyarat rosak mengakibatkan satu kemalangan maut di kawasan itu.

agak sebab lampu berkenaan hanya menunjukkan warna kuning sepanjang masa, apatah lagi jalan itu sering digunakan banyak kendaraan berat dari kilang di kawasan berke-

naan," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Julmiah Nasib, 39, pula berkata, isu keselamatan pengguna dipandang remeh pihak berkaitan sehingga menyebabkan kehilangan nyawa.

"Tiga hari lepas berlaku kemalangan maut di simpang berkenaan melibatkan pengguna dipandang remeh pihak berkaitan sehingga menyebabkan kehilangan nyawa."

"Jadi naktungguramai lagi

info

Enam bulan lampu isyarat di kawasan perindustrian itu hanya menunjukkan warna kuning

yang jadi mangsa baru nak baiki," katanya.

Justeru, dia meminta pihak bertanggungjawab membaiki lampu isyarat rosak itu agar keselamatan penduduk dan pengguna terjamin.

"Apa gunanya ada lampu isyarat tetapi tidak berfungsi. Ini pastinya memburukkan imej pihak berkuasa tempatan itu sendiri."

"Kami berharap supaya semua kemudahan yang dibina untuk keselamatan orang ramai diberi perhatian sewajarnya," katanya.

Headline	'Biar ADUN tampal jalan'		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	19 Feb 2019	Circulation	160,000
Section	Selangor & KL	Readership	509,000
Page No	23	ArticleSize	284 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 4,844
Journalist	Mohd Izzatul Izuan Tahir	PR Value	RM 14,533
Frequency	Daily		



# 'Biar ADUN tampal jalan'

*JKR bertindak  
selepas Ahmad  
Mustain muat  
naik status*

MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

**A**DUN Sabak, Ahmad Mustain Othman mencabar pihak yang menyindirnya menampal lubang jalan menggunakan simen di Jalan Raja Chulan, Pekan Sabak, bertindak segera menangani isu sama di hadapan Balai Penghulu Mukim Sabak, di sini.

Menerusi status di Facebook beliau, semalam Ahmad Mustain berkata, isu jalan berlubang itu berlaku kira-kira enam bulan lalu.

"Saya beri (tempoh) masa tiga hari, tolonglah tampal jalan ini. Kalau (masih) tidak (ditampal), Insya-ALLAH, saya (sendiri) tampal," katanya.

Pada status sama Ahmad Mustain berkata, beliau tidak menghiraukan kecaman sesetengah pihak yang tidak senang dengan tindakan itu.

"Biar apa orang (hendak) kata, ada aku kisah? (Apa) yang penting rakyat sejahtera," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad Mustain memuat naik status

Lubang di hadapan Balai Penghulu Mukim Sabak yg ini dah hampir 6 bulan. Yg sindir sindir saya tampal jalan. Tolong tampal jalan ni saya beri masa 3 hari. Kalau tidak Insyaallah saya tampal  
Biar apa orang kata ada aku kesah. Yang penting rakyat sejahtera



82

88 comments

Status berkaitan kerosakan jalan yang dimuat naik Ahmad Mustain di Facebook beliau, semalam.

terbaru pada hari bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah membaiki jalan itu.

"Jam 8 pagi (aduan jalan) berlubang, jam 12 tengah hari siap tampal. Tahniah kepada JD (Jurutera) JKR Sabak Bernam," katanya.

Ahmad Mustain secara berseloroh berharap perkara menjadi ikutan agensi lain.

"Tindakan pantas dan contoh yang sangat baik kepada Jabatan lain. Boleh up gaji," katanya.

Sehingga jam 4 petang semalam, status itu menerima 44 reaksi pelbagai tanda dan 14 komen.

Seorang pemilik Facebook dengan nama 'Oto San' dalam status komen mengu-

capkan tahniah kepada Ahmad Mustain yang peka isu rakyat.

"Biar nampak tak glamour (popular) tetapi cakna pada rakyat, tinggalkan sifat eksklusif macam YB (Yang Berhormat) yang dulu.

"Walaupun nampak remeh, tetapi ada impak tinggi dan teruskan dengan usaha kebajikan rakyat melalui media sosial," katanya.

Sinar Harian 15 Februari lalu melaporkan, Ahmad Mustain terpaksa melakukan kerja-kerja menampal lubang jalan menggunakan simen di Jalan Raja Chulan, Pekan Sabak, berikutan kegagalan pihak berkaitan menampal lubang berkenaan.

Headline	Rumah rehat terbiar guna kaedah RPF		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	285 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,583



## Rumah rehat terbiar guna kaedah RPF

**SABAK BERNAM** - Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) memutuskan pengurusan baharu Rumah Rehat Sabak Bernam yang terbiar kira-kira dua tahun lalu perlu dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara permohonan cadangan (RFP).

Menurut kenyataan Unit Perancangan Ekonomi Negeri, pelantikan Jawatankuasa Penilaian juga dibuat selaras dengan Tata-cara Perolehan dan Garis Panduan Perolehan secara RFP.

"Mesyuarat bagi membincangkan penetapan hala tuju dan perincian gerak kerja dijangka dapat diadakan pada akhir Februari ini," katanya.

Kenyataan maklum balas itu memberitahu, antara tindakan yang dibuat kerajaan negeri bagi menyelesaikannya ialah dengan mengadakan lawatan ke rumah rehat terbabit pada 28 Mei tahun lalu.

"Kerajaan negeri memutuskan pelantikan perkhidmatan kawalan keselamatan perlu diperoleh bagi tujuan mengawal selia premis ini," katanya.

Beliau berkata, MMKN memutuskan pelantikan Rela bagi mengawal selia dan memantau keselamatan rumah rehat itu pada 1 September tahun lalu sehingga 18 Disember tahun sama.

"Susulan daripada itu, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah melantik pengawal dan pembantu penguatkuasa bermula 19 Disember 2018 sehingga kini di rumah rehat berkenaan," kata-nya.

Selain itu katanya, lawatan tapak ke rumah rehat itu juga diadakan pada 18 September tahun lalu.

"Hasil lawatan, kerajaan negeri mengambil maklum, kerja-kerja penyelenggaraan berskala besar diperlukan.

"Justeru, jangkaan kos pembaikan dan pemuliharaan bangunan dianggarkan menelan perbelanjaan yang besar.

**Kerajaan negeri putuskan pelantikan perkhidmatan kawalan keselamatan perlu diperoleh bagi tujuan mengawal selia premis ini."**

- Unit Perancangan Ekonomi Negeri

"Susulan itu juga, tindakan bagi penentuan demarkasi (garis) sempadan kompaun bangunan bagi tindakan pewartaan tanah juga telah diselesaikan pada pertengahan November 2018," katanya.

Sinar Harian 30 Januari lalu melaporkan, sebuah resort milik kerajaan negeri di daerah ini dalam keadaan terabai dipercaiyai tidak beroperasi sejak setahun lalu.

Adun Sabak, Ahmad Mustain Othman yang memuat naik status rakaman video menerusi Facebook beliau berkata, tiada kawalan keselamatan di resort yang menjadi sasaran pencuri sejak operasi pengurusan resort tamat kontrak pada Januari tahun lalu.



Ahmad Mustain mewujukkan keadaan resort terbabit.

### Resort kerajaan negeri tak terurus

**SABAK BERNAM** - Sebuah resort milik kerajaan negeri di daerah ini didakwa terabai dan dipercayai tidak beroperasi setahun lalu.

Adun Sabak, Ahmad Mustain Othman yang memuat naik status rakaman video menerusi Facebook beliau berkata, tiada kawalan keselamatan di resort terbabit.

Malah katanya, operasi pengurusan resort yang tamat kontrak pada Januari tahun lalu kini terbair dan menjadi sasaran pencuri.

"Terdapat peralatan dan pendawaian elektrik di ba-

Ahmad Mustain berkata, kerajaan negeri diminta membuat keputusan mengenai bangunan resort terbabit sama ada dibuka pulih atau dilupuskan.

Katanya, resort itu sebelum ini menjadi tumpuan pengunjung yang singgah bermalam ke Sabak Bernam.

"Sekiranya ingin dibuka pulih, saya minta supaya disegerakan.

"Jika tak boleh dibuka pulih, maka perlu difikirkan sama ada diganti dengan kemudahan kolam renang atau taman tema air yang boleh meniadai tarikan pe-

satu minit 30 saat itu menerima sebanyak 63 tanda suka dan 10 komen.

